



## 'Perkasakan Dewan Negara, tingkat keyakinan rakyat terhadap fungsinya'

Oleh Sri Ayu Kartika Amri - Januari 2, 2023 @ 4:57pm  
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Pemerkasaan peranan Dewan Negara perlu dilaksanakan kerana ia menjadi antara komponen utama agenda Transformasi Parlimen.

Badan pemikir progresif, Research for Social Advancement (REFSA) dalam kenyataan berkata, transformasi Dewan Negara mampu memperluaskan lagi kuasa pengundi dalam memilih senator yang boleh mewakili aspirasi mereka di Dewan Negara, khususnya mewakili kepentingan negeri, Sabah dan Sarawak.

Katanya, komitmen ini jika dilaksanakan secara berperingkat, mampu meningkatkan keyakinan rakyat terhadap institusi Dewan Negara yang masih dianggap 'rubber stamp' oleh sebahagian rakyat.

"REFSA juga berpendirian pemilihan senator melalui pilihan raya perlu diteliti bagi mengangkat institusi terbabit sebagai dewan tertinggi negara dalam tempoh jangka panjang.

"Usaha ini selari dengan semangat Perlembagaan Persekutuan dan kedaulatan sistem demokrasi berparlimen yang menjadi denyut nadi rakyat Malaysia dalam mencapai kehidupan lebih baik dan sebagai institusi yang membincangkan hala tuju negara.

"Selain itu, pelaksanaan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 perlu dilakukan dalam tempoh terdekat sebagai komitmen memastikan Parlimen mempunyai autonomi untuk menentukan perancangan dasar dan pentadbiran secara kendiri.

"Langkah ini juga dapat memperkuuh mekanisme semak dan imbang Parlimen bagi mengawal selia badan eksekutif dengan lebih efektif," katanya.

REFSA berpendapat, penambahbaikan institusi badan perundangan pada peringkat negeri juga harus berlaku seiring Transformasi Parlimen pada peringkat Parlimen Malaysia.

Katanya, perkara ini dapat dicapai melalui pemerkasaan Persidangan Speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia yang dianjurkan setiap tahun dalam merancang dan melaksanakan agenda reformasi Parlimen secara bersama.

"REFSA turut berharap Parlimen dan kerajaan perpaduan mempunyai iltizam tinggi dalam meneruskan sesi libat urus dan program advokasi bersama pemegang taruh bagi menambah baik sistem demokrasi berparlimen negara serta memperluaskan lagi kesedaran rakyat terhadap kepentingan institusi Parlimen, khususnya kepada golongan belia," katanya.